

Headline	Ustaz Muhamad bawa pesakit HIV keluar dari gereja		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	20 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	36	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	633 cm <sup>2</sup>
Journalist	MONA AHMAD mona@bh.com.my	AdValue	RM 21,820
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,460



# Ustaz Muhamad bawa pesakit HIV keluar dari gereja

*Ceburi pelbagai bidang perniagaan, sukan sebagai medan sebar dakwah*



**T**idak mampu membuka mulut untuk berdakwah kepada golongan penghidap HIV beragama Islam yang mendapat perlindungan di gereja menjadi tamparan besar bagi pendakwah bebas, Ustaz Muhamad Abdullah al-Amin, 38.

Bercerita pengalaman yang menjadi titik tolak dalam usaha sukarelawannya membantu golongan HIV, anak jati Batu Pahat, Johor itu berkata pada tahun 2009 beliau dijemput mengajar kumpulan penghidap HIV tetapi tidak dimaklumkan lokasinya.

“Saya dibawa ke gereja yang menempatkan lebih 50 penghidap HIV lelaki dan wanita Muslim. Saya sangat terkejut sehingga tidak boleh memberi ceramah. Lidah saya menjadi kelu. Saya hanya mampu bercakap selama dua minit. Sekembali dari situ, hampir lima bulan saya rasa sangat ‘down’ (kecewa) dan sedih kerana gagal sebagai pendakwah,” kata graduan Universiti al Azhar ini.

Headline	Ustaz Muhamad bawa pesakit HIV keluar dari gereja		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	20 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	36	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	633 cm <sup>2</sup>
Journalist	MONA AHMAD mona@bh.com.my	AdValue	RM 21,820
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,460

Dari situ, katanya, beliau berbincang dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan berjaya menge-

luarkan semua penghuni Muslim itu daripada gereja dan mengasaskan rumah perlindungan bagi pesakit HIV Muslim di Puchong.

#### Uruskan sendiri

“Alhamdulillah, selepas empat bulan dari tarikh kali pertama berjumpa mereka, semua mangsa dapat dikeluarkan daripada gereja. Enam bulan pertama saya sendiri menguruskan rumah perlindungan ini. Sukar untuk mendapatkan pekerja, termasuk tukang masak kerana persepsi mengenai penyakit ini,” katanya yang juga penguam syarie.

Selepas menghadapi ranjau dan rintangan, akhirnya beliau membeli sebidang tanah dan membina rumah perlindungan HIV Muslim di Rawang.

“Sejak 2009, lebih 150 penghuni yang sudah meninggal dunia. Saya bersyukur kerana mereka meninggal bersama kita bukan di gereja. Waris tidak ambil tahu langsung, kadang kala kita hubungi waris tetapi mereka suruh kita yang uruskan,” katanya.

Kebanyakan penghuni menghidap penyakit itu berpunca daripada seks bebas. Lebih memmeranjatkan, kebanyakan adalah bekas pekerja yang berpangkat.

Mengimbu pengalamannya dalam bidang dakwah, beliau yang juga hafiz dari Jamiyah Islamiah Islamabad Pakistan, berkata semuanya bermula apabila beliau diminta bapanya, Allahyarham Ustaz Abdullah Mohd Said menggantikannya untuk mengajar agama ketika usia 18 tahun.

“Apa-apa pun, asasnya adalah ilmu. Walaupun kita sudah menjadi pendakwah tetapi cabaran pendakwah adalah ilmu. Pendakwah perlu sentiasa meningkatkan ilmu dan menjadi lebih kreatif. Saya pegang pesanan arwah ayah supaya menambah ilmu.

“Saya kini sedang mengambil

Ijazah Doktor Falsafah (PhD) bidang syariah di Universiti Malaya. Apabila orang tanya kenapa masih mahu menyusahkan diri belajar sedangkan saya sudah ada perniagaan dan kerjaya. Saya mahu belajar untuk ilmu dan pesan arwah ayah saya supaya sentiasa menambah ilmu,” katanya.

Katanya, berdakwah perlu ikhlas walaupun yang hadir di hadapan kita hanya seorang atau dua saja peserta.

Bercerita mengenai pembabitan awal dalam dakwah menerusi media, beliau berkata program pertamanya adalah *al Kuliyyah* pada Ogos 2005.

#### Agak gementar

“Saya mengajar di kelas yang disertai isteri Allahyarham Datuk Bukhari Che Muda. Ketika itu Allahyarham berkhidmat di TV3 dan beliau mempelawa saya mengajar dalam *al Kuliyyah*. Kali pertama memanglah agak gementar dan lontaran suara pun tidak berapa baik. Lama kelamaan ia menjadi lebih baik,” katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui lebih berminat dengan dakwah medan yakni turun berjumpa dengan kumpulan sasar termasuk geng motosikal besar, penyelam dan belia.

Memiliki lesen jurulatih selam, Muhammad sering ke Pulau Mabul, Pulau Tioman dan Pulau Sipadan untuk mengajar kumpulan yang mahu memahirkan diri dalam bidang selam.

“Saya mengambil cuti sebulan dan mengambil lesen jurulatih di Bali, Indonesia semata-mata mahu menjadikan bidang ini sebagai medan dakwah saya. Dengan berjumpa dan mengajar golongan muda menyelam, saya selitkan dakwah.

“Lazimnya, apabila ke pulau, pada

malam hari tiada aktiviti, penyelam akan berkumpul dan bertanyakan mengenai agama kepada saya. Pernah sekali seorang penyelam memeluk Islam selepas tiga malam menghabiskan masa berbincang soal agama dengan saya,” katanya yang turut mempu nyai pejabat untuk mengajar teknik selaman di Pusat Akuatik Shah Alam

yang dikenali sebagai i-Divers.

Sambil mengajar anak muda menyelam, katanya, beliau akan mengajak kumpulan itu bersolat dan mengikuti kuliah.

#### Mahu cari ilmu

“Orang yang datang ceramah atau ke masjid adalah mereka yang mahu mencari ilmu. Tetapi siapa yang mahu pergi kepada kumpulan yang tidak ke masjid atau majlis ilmu ini. Justeru, saya bukan hanya terabit dalam bidang selam ini untuk dakwah medan tetapi turut menyertai sukan ekstrem lain seperti sky diving dan bergaul dengan kumpulan motosikal besar untuk tujuan yang sama,” katanya.

Medan dakwahnya bukan hanya di tanah air tetapi juga merentas benua. Beliau berulang alik ke Palestin setiap bulan untuk membawa rombongan yang mahu mengunjungi Masjid al-Aqsa dan sumbangan rakyat negara ini kepada penduduk Islam di sana.

Pemilik agensi pelancongan, ALCC Al Amin Travel Sdn Bhd yang menumpukan laluan ke Palestin saja dan Sekolah Maahad Sains al-Quran al-Amin di Sunway, turut mempunyai perniagaan kedai cermin mata yang diusahakan isterinya, Anis Harnisa Harun, 35, berkata bidang perniagaan juga menjadi medan dakwahnya kerana dengan cara itu beliau bertemu ramai orang.

Headline	Ustaz Muhamad bawa pesakit HIV keluar dari gereja		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	20 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	36	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	633 cm <sup>2</sup>
Journalist	MONA AHMAD mona@bh.com.my	AdValue	RM 21,820
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,460

